

UTUSAN MALAYSIA – SELASA 30 MEI 2017



ROHANI ABDUL KARIM (empat dari kanan) dan Carmen Foo (kanan) bersama kanak-kanak dari Rumah Kebajikan Sweet Care pada program kempen komuniti Top Pass It On Subang Jaya, Selangor baru-baru ini.

Agih pakaian terpakai dicuci bersih

LAZIMNYA banyak pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mengambil inisiatif mengumpul dan mengagihkan pakaian terpakai untuk disumbangkan kepada mereka yang memerlukan.

Berbeza bagi pengurusan Southern Lion, yang melancarkan kempen *Top Pass It On* bagi mengumpul baju terpakai dibasuh bersih dan diermakan kepada golongan kurang berkemampuan.

Kempen tersebut diwujudkan selepas menyedari keperluan terhadap pakaian yang bersih daripada kotoran terutama kotoran minyak yang dikeluarkan secara semula jadi pada tubuh, iaitu sebum sebagai punca utama kotoran tersembunyi.

Uniknya, melalui kempen berkenaan sejumlah 5,046 helai pakaian yang dikumpul telah diasingkan dan dibersihkan secara profesional oleh pusat cuci *Regional Laundry* dengan menggunakan inovasi teknologi bersih mikro (*Micro-Clean Tech*).

Teknologi yang membolehkan tahap cuci mencapai kebersihan baharu itu, yang mampu mencuci kotoran yang nampak mahupun

tersembunyi. Menurut Pengurus Kanan Southern Lion Sdn. Bhd, **Carmen Foo**, kempen komuniti *Top Pass It On* telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada orang ramai, apabila jumlah pakaian yang berjaya dikumpul adalah dua kali ganda lebih banyak berbanding sebelum ini.

Katanya, sambutan berkenaan membuktikan kempen sebegini menarik minat masyarakat untuk menyumbang pakaian-pakaian terpakai yang bersih dan bukan yang lusuh serta tidak terjamin kebersihannya.

“Kita percaya, masyarakat mahu sumbangan yang diberikan bukan sahaja berkualiti, malah kegembiraan melihat penerima menerima baju terpakai yang kelihatan baharu dan mempunyai bau yang wangi juga merupakan satu kepuasan,” katanya.

Dia berkata demikian pada majlis penutup kempen *Top Pass On It* yang disempurnakan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim di Subang Jaya, Selangor baru-baru ini.

Pada majlis itu lima

daripada 30 buah persatuan komuniti menerima pakaian terpakai yang telah dibersih melalui gerakan sumbangan besar-besaran bermula dari 7 Mac hingga 18 Mei lalu di sekitar Lembah Klang, Kuala Terengganu, Pulau Pinang, Johor, Sarawak dan Sabah.

Penganjuran kempen yang mendapat sokongan daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, turut menggalakkan masyarakat membantu golongan memerlukan selain menekankan kepentingan gaya hidup yang lebih bersih dan sihat.

“Kita mahu mendidik masyarakat untuk membantu mereka yang memerlukan dengan menyediakan platform pusat pengumpulan untuk membolehkan masyarakat menyumbang pakai terpakai dengan cermat.

“Ketidaaan pusat pengumpulan yang menyediakan khidmat basuhan sebelum diaighkan, juga menjadi antara objektif mengapa kita anjurkan program seumpama ini.

“Kita merancang untuk terus mengadakan setiap tahun bergantung kepada kewangan,” jelas Carmen.